

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24 October 2015



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan sebahagian Menteri Kabinet sejurus tiba untuk membentangkan Bajet 2016 di Dewan Rakyat, semalam. Turut kelihatan, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. - BERNAMA

Kadar BR1M 2016 dinaikkan

■ KUALA LUMPUR 23 OKT.

KERAJAAN terus berikhtiar untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat dengan menaikkan kadar Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) termasuk memperkenalkan satu kategori penerima baharu bantuan berkenaan pada pembentangan Bajet 2016 hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, secara keseluruhan bantuan itu akan diman-

faatkan oleh 4.7 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang menerusi peruntukan sebanyak RM5.9 bilion.

Menurut beliau, satu kategori baharu yang diperkenalkan itu ialah semua penerima dalam senarai e-Kasih yang berpendapatan bulanan bawah RM1,000 akan menerima BR1M sebanyak RM1,050.

"Bagi isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 ke bawah, BR1M akan ditingkatkan daripada RM950 kepada RM1,000.

"Bagi kategori isi rumah berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000, pemberian BR1M ditingkatkan daripada RM750 kepada RM800," katanya ketika membentangkan Bajet 2016 di Dewan Rakyat hari ini.

Sementara itu, Perdana Menteri turut mengumumkan, pemberian sebanyak RM1,000 bagi Skim Khairat Kematian akan diteruskan.

"Bagi kategori individu bujang pula, yang berumur 21 tahun ke atas serta berpendapatan tidak melebihi

RM2,000 sebulan, kadar bantuan akan ditingkatkan daripada RM350 kepada RM400," katanya.

Tambah beliau, ada pihak yang mengatakan bahawa BR1M tidak perlu diteruskan, namun melalui maklum balas yang diterima, penerima melahirkan rasa syukur dan berterima kasih di atas keprihatinan kerajaan.

"Ini kerana terbukti BR1M telah sedikit sebanyak membantu meringankan beban hidup mereka," ujar beliau.

BR1M

KATEGORI BAHARU:

- Penerima e-Kasih pendapatan bawah **RM1,000** terima BR1M sebanyak **RM1,050**

KATEGORI KEDUA:

- Isi rumah pendapatan bawah **RM3,000**- BR1M naik dari **RM950** kepada **RM1,000**

KATEGORI KETIGA:

- Isi rumah pendapatan bawah

SUBU
5.41
5.47
5.35
5.30
5.05



RM:
BR1
kep
KATE
• Skir
mer
KATE
• Indi
tahu
kur
dari